

LAWATAN AKADEMIK SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU SOFIAH, ALOR SETAR

20 JULAI 2023

Disediakan oleh: Hamidah Mohd

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS KEDAH



Merbok, 20 Julai 2023 – Seramai 78 orang pelajar dan 6 orang guru pengiring daripada SMK Tunku Sofiah, Alor Setar telah terlibat di dalam lawatan akademik ke Perpustakaan Sultan Badlishah. Kunjungan lawatan akademik ini telah diberi taklimat ringkas oleh Pustakawan Kanan, Encik Mohd Amiruddin dan dibantu staf PSB seterusnya telah dibawa melawat setiap unit yang terdapat di dalam PSB.

Pelajar-pelajar sekolah yang hadir dalam lawatan ini adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 5 yang masih belum jelas dan agak samar tentang program pengajian yang ditawarkan dan suasana pembelajaran yang perlu dihadapi. Lawatan tersebut bertujuan melihat suasana perpustakaan akademik dan mendapatkan maklumat berguna mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Sultan Badlishah. Semoga lawatan ini, dapat memberi gambaran kepada pelajar-pelajar mengenai susana pembelajaran di IPTA.

